

RUJ. KAMI (OUR REF.) : UMP.02.01/10.12/2 JILID 5 (14)
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

21 Mac 2014

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 3 TAHUN 2014 : PINDAAN
KADAR ELAUN PERIBADI BAGI LANTIKAN FELLOWSHIP DI BAWAH SKIM
LATIHAN AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**


Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 3 Tahun 2014 mengenai Pindaan Kadar Elaun Peribadi Bagi Lantikan Fellowship Di Bawah Skim Latihan Akademik Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(WAN ABDUL RASHID BIN WAN ABDUL RAHMAN)

Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Khidmat Pengurusan
b.p Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k : Naib Canselor

M/sms
d: Pekeliling/ surat/ 2014

**PINDAAN KADAR ELAUN PERIBADI BAGI LANTIKAN FELLOWSHIP DI BAWAH
SKIM LATIHAN AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga Universiti Malaysia Pahang berhubung dengan Pindaan Kadar Elaun Peribadi Bagi Lantikan Fellowship Di Bawah Skim Latihan Akademik, Universiti Malaysia Pahang.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali ke 19 Bil 2/2013 bertarikh 20 September 2013 telah meluluskan Pindaan Kadar Elaun Peribadi bagi lantikan Fellowship di bawah Skim Latihan Akademik Universiti Malaysia Pahang.
- 2.2 Felo yang dilantik dibayar Elaun Peribadi selaras dengan peraturan dan garis panduan Skim Fellowship di bawah Program Latihan Akademik Universiti Malaysia Pahang, yang diperakukan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 1/2007 bertarikh 26 Mac 2007 sebagaimana di bawah ;

Peringkat Pengajian	Elaun Peribadi (Sebulan)
Pengajian di Peringkat Ijazah Sarjana (Master)	RM 1,750.00
Pengajian di Peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD)	RM 2, 150.00

3.0 JUSTIFIKASI

- 3.1 Pindaan Elaun Peribadi bagi Pelantikan Fellowship di bawah Skim Latihan Akademik Universiti Malaysia Pahang setelah mengambil kira perubahan kos sara hidup dan perubahan gaji baharu bagi semua penjawat awam selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007 iaitu Pemberian Kenaikan Gaji Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di Bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) berkuatkuasa mulai 1 Julai 2007 dan Pekeliling

Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012 (Kenaikan Gaji Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Di bawah Sistem Saraan Malaysia) serta Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2013 (Pemberian Pemindahan Gaji Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Di bawah Sistem Saraan Malaysia).

4.0 PINDAAN KADAR ELAUN PERIBADI BAGI LANTIKAN FELLOWSHIP DI BAWAH SKIM LATIHAN AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

4.1 Kadar elaun peribadi yang diluluskan adalah sebagaimana berikut :


Peringkat Pengajian	Elaun Peribadi (Sebulan)
Pengajian di Peringkat Ijazah Sarjana (Master)	RM2,100.00
Pengajian di Peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD)	RM2,500.00

5.0 TARIKH KUATKUASA

5.1 Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai 01 Januari 2014.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)
PENDAFTAR
Tarikh :

Edaran kepada :

Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan

Salinan Kepada :

YH Dato' Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)